

1 Jun, 1981

Menteri Pertahanan Australia lawat Malaysia tiga hari

KUALA LUMPUR, Ahad — Menteri Pertahanan Australia, Encik D.J. Killen tiba di sini petang ini untuk lawatan tiga hari.

Ketibaan beliau di lapangan terbang antarabangsa Kuala Lumpur di Subang disambut oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Abu Hassan Omar.

Encik Killen akan mengunjungi Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan, Datuk Hussein Onn esok. Mereka dijangka akan

membinasakan masalah kerjasama pertahanan serta kedudukan Tentera Udara Diraja Australia (RAAF) di Butterworth sekarang.

Australia dikatakan akan menarik berperingkat-peringkat skuadron kapal terbang Mirage dari negara ini mulai tahun 1983.

Menteri Pertahanan Australia itu akan mengadakan perbincangan dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie.

Di samping itu, beliau juga mengunjungi Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Abu Hassan di pejabatnya.

Encik Killen yang singgah di sini dari lawatan ke negara Greek dijangka akan menumpukan perbincangan terhadap keselamatan dan pertahanan di rantau ini.

Australia dan Malaysia merupakan anggota Perjanjian Pertahanan Lima Negara. Negara-negara lain ialah New Zealand, Singapura dan Britain.

Turut hadir di lapangan terbang ialah Pesuruhjaya Tinggi Australia, Encik Gary Woodard.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia